

Kertas peperiksaan ini mengandungi 40 soalan. Jawab **semua** soalan. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C, dan D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja.

1 Maklumat berikut merupakan ciri suatu entiti perniagaan.

- Liabiliti terhad
- Modal besar
- Sebarang keputusan perniagaan dibuat dalam mesyuarat agung

Antara yang berikut, entiti perniagaan yang manakah yang menepati ciri berkenaan?

- I Koperasi
- II Perkongsian
- III Milikan tunggal
- IV Syarikat berhad

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

2 Perniagaan perkongsian tertakluk kepada Akta Perkongsian 1961.

Pernyataan manakah yang **tidak** terdapat dalam akta tersebut?

- A Faedah tidak dibayar atas modal pekongsi
- B Pekongsi tidak dibenarkan membuat ambilan
- C Untung atau rugi dibahagi sama rata antara pekongsi
- D Pekongsi yang menguruskan perniagaan tidak berhak menerima gaji

3 Urus niaga berikut berlaku dalam sebuah perniagaan.

P	Q
Pemilik membawa masuk kenderaan untuk kegunaan perniagaan.	Pemilik mengambil barang niaga untuk kegunaan sendiri.

Apakah kesan urus niaga **P** dan **Q** terhadap Akaun Modal?

	P	Q
A	Bertambah	Bertambah
B	Berkurang	Berkurang
C	Bertambah	Berkurang
D	Berkurang	Bertambah

4 Maklumat berikut merupakan ciri suatu dokumen.

- Dokumen dikeluarkan oleh pihak bank
- Bertujuan memberitahu kepada pemilik akaun bahawa pihak bank telah menambahkan akaun dengan jumlah tertentu

Apakah dokumen tersebut?

- A Slip Bank
 B Nota Debit
 C Keratan cek
 D Makluman kredit
- 5 Cara merekod dalam lejar yang manakah yang betul?
 A Kredit apabila hasil berkurang
 B Debit apabila liabiliti berkurang
 C Kredit apabila belanja bertambah
 D Debit apabila ekuiti pemilik bertambah
- 6 Akaun Kawalan Belum Terima berikut diperolehi daripada buku perniagaan Helmi Enterprise pada bulan Mac 2019.

Akaun Kawalan Belum Terima

2019	RM	2019	RM
Mac 1 Baki b/b	2 300	Mac 31 Pulangan jualan	230
31 Jualan	5 600	Bank	3 400
		Diskaun diberi	600
		Baki h/b	Y

Berapakah nilai Y pada 31 Mac 2019, jika terdapat sekeping cek bernilai RM270 yang diperolehi daripada Kedai Alim dipulangkan oleh pihak bank dengan tanda “Rujuk kepada penyuruh bayar” dan RM30 diskaun ditarik balik?

- A RM3 400
 B RM3 640
 C RM3 670
 D RM3 970

7 Maklumat berikut berkaitan dengan Kedai Perabot Syamin.

Pada 15 November 2018, Kedai Perabot Syamin menerima cek RM2 500 daripada Syaza Enterprise yang menjelaskan hutangnya sebanyak RM2 600.

Catatan dalam Buku Tunai yang manakah yang betul?

A Dt Buku Tunai (petikan)

Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank	
2018		RM	RM	RM	
Nov. 15	Syaza Enterprise	100		2 500	

B Dt Buku Tunai (petikan)

Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank	
2018		RM	RM	RM	
Nov. 15	Syaza Enterprise			2 600	

C Buku Tunai (petikan) Kt

	Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank
	2018		RM	RM	RM
	Nov. 15	Syaza Enterprise	100		2 500

D Buku Tunai (petikan) Kt

	Tarikh	Butir	Diskaun	Tunai	Bank
	2018		RM	RM	RM
	Nov. 15	Syaza Enterprise			2 600

8. Urus niaga berikut diambil daripada perniagaan milik Encik Ahmad.

Encik Ahmad telah menyewa kedai dengan sewa bulanan sebanyak RM400. Pada akhir tempoh perakaunan yang berakhir 31 Disember 2018, sewa yang telah dibayar ialah sebanyak RM4 400.

Catatan pelarasan yang manakah yang betul dalam Jurnal Am?

Jurnal Am

A

Tarikh	Butir	Folio	Debit	Kredit
2018			RM	RM
Dis. 31	Sewa		400	
	Sewa belum bayar			400

Jurnal Am

B

Tarikh	Butir	Folio	Debit	Kredit
2018			RM	RM
Dis. 31	Sewa belum bayar		400	
	Sewa			400

Jurnal Am

C

Tarikh	Butir	Folio	Debit	Kredit
2018			RM	RM
Dis. 31	Sewa		4 800	
	Sewa belum bayar			4 800

Jurnal Am

D

Tarikh	Butir	Folio	Debit	Kredit
2018			RM	RM
Dis. 31	Sewa belum bayar		4 800	
	Sewa			4 800

9 Urus niaga berikut berlaku kepada Kedai Kasut Mussa pada 9 Mei 2019.

Pemilik menggunakan wang pinjaman peribadi yang diperoleh daripada Bank Saksama Berhad untuk membayar sewa kedainya.

Catatan bergu yang manakah yang betul?

	Debit	Kredit
A	Sewa	Tunai
B	Ambilan	Sewa
C	Sewa	Modal
D	Pinjaman	Sewa

10 Imbangan Duga berikut diambil daripada buku perniagaan Kedai Runcit Norlela.

Imbangan Duga pada 30 Jun 2018

Butir	Debit	Kredit
	RM	RM
Tunai	200	
Akaun Belum Terima	2 500	
Belian dan jualan	15 000	23 400
Kenderaan	22 300	
Modal		15 000
X		1 600
	40 000	40 000

Apakah X?

- A Overdraf bank
- B Diskaun diberi
- C Angkutan keluar
- D Pulangan Jualan

11 Maklumat berikut merupakan analisis kad inventori Even Trading.

Jenis Barang	Baki Awal (Kotak)	Masuk (Kotak)	Keluar (Kotak)	Harga Kos (RM)	Harga Pasaran (RM)
Benang	20	150	80	10	35
Jarum	30	200	120	5	10

Berapakah nilai inventori akhir?

- A RM1 100
- B RM1 450
- C RM3 250
- D RM4 250

12 Maklumat berikut diperolehi daripada buku perniagaan Encik Amin seorang peruncit pada 31 Disember 2018.

	RM
Untung kasar	24 500
Gaji	18 000
Sewa	7 200
Ambilan	400
Komisen diterima	200

Berapakah jumlah kerugian perniagaannya?

- A RM100
- B RM500
- C RM900
- D RM1 300

13 Format Akaun Perdagangan berbentuk 'T' mempunyai beberapa ciri.

Pilih ciri yang betul.

- I Kos jualan direkodkan di bahagian debit
 - II Belian direkodkan di bahagian kredit.
 - III Untung kasar direkodkan di bahagian kredit
 - IV Kos barang untuk dijual direkodkan di bahagian debit.
- A I dan III
 - B II dan III
 - C II dan IV
 - D I dan IV

14 Urus niaga berikut berlaku pada perniagaan Salmah Enterprise.

2019
Mac 24 Belian barang niaga RM500 daripada pembekal Aziq.

Apakah catatan bergu untuk urus niaga berkenaan?

A

Akaun Belian			
2019		RM	
Mac 24	Bank	500	

Akaun Bank			
		2019	RM
	Pembekal Aziq	Mac 24	500

B

Akaun Belian			
		2019	RM
	Bank	Mac 24	500

Akaun Bank			
2019		RM	
Mac 24	Belian	500	

C

Akaun Belian			
2019		RM	
Mac 24	Pembekal Aziq	500	

Pembekal Aziq			
		2019	RM
	Belian	Mac 24	500

D

Akaun Belian			
		2019	RM
	Pembekal Aziq	Mac 24	500

Pembekal Aziq			
2019		RM	
Mac 24	Belian	500	

15 Maklumat berikut diambil daripada buku Perniagaan Azmi.

	RM
Aset bukan semasa	10 000
Aset Semasa	6 980
Liabiliti bukan semasa	6 000
Liabiliti semasa	580

Berapakah ekuiti pemilik Perniagaan Azmi?

- A RM10 400
- B RM11 560
- C RM22 400
- D RM23 560

16 Maklumat berikut diperoleh daripada Perniagaan Dhuha yang tidak mengamalkan rekod yang lengkap.

	<u>1 September 2018</u>	<u>31 Ogos 2019</u>
	RM	RM
Sewa prabayar	450	900

Buku Tunai		
	RM	RM
Sewa		4 050

Berapakah sewa yang diiktiraf dalam tahun kewangan tersebut?

- A RM2 700
- B RM3 600
- C RM4 500
- D RM5 400

17 Maklumat berikut menunjukkan pembelian mesin oleh sebuah firma sepanjang tahun 2018.

Tarikh	RM
1 Januari 2018	1 800
30 April 2018	3 600
31 Disember 2018	4 800
Polisi firma memperuntukkan susut nilai pada kadar 20% setahun mengikut kaedah baki berkurangan.	

Berapakah susut nilai bagi tahun berakhir 31 Disember 2018?

- A RM600
- B RM840
- C RM900
- D RM920

18 Maklumat berikut diambil daripada sebuah perniagaan.

	RM
Inventori awal	16 876
Inventori akhir	19 564
Kos barang untuk dijual	82 000

Berapakah kadar pusing ganti inventori?

- A 1.71 kali
- B 1.79 kali
- C 3.43 kali
- D 3.57 kali

19 Maklumat berikut diambil daripada buku perniagaan Kedai Ashikin.

	RM
Inventori awal	2 150
Inventori akhir	1 800
Aset semasa	12 000
Aset bukan semasa	30 000
Modal kerja	3 190

Berapakah nisbah ujian asid Kedai Ashikin?

- A 0.37 : 1
- B 0.67 : 1
- C 1.12 : 1
- D 1.16 : 1

20 Pada 31 Disember 2018, Ali Baba Enterprise telah membuat pelarasan pada tarikh imbangan. Insurans yang telah dibayar sebanyak RM2 400 setahun adalah sehingga 31 Mac 2019.

Catatan selepas pelarasan yang manakah yang betul?

A Imbangan Duga pada 31 Disember 2018 (petikan)

Butir	Debit	Kredit
	RM	RM
Insurans	1 800	
Insurans Prabayar	600	

B Imbangan Duga pada 31 Disember 2018 (petikan)

Butir	Debit	Kredit
	RM	RM
Insurans	1 800	
Insurans Prabayar		600

C Imbangan Duga pada 31 Disember 2018 (petikan)

Butir	Debit	Kredit
	RM	RM
Insurans	2 400	
Insurans Prabayar	600	

D Imbangan Duga pada 31 Disember 2018 (petikan)

Butir	Debit	Kredit
	RM	RM
Insurans	2 400	
Insurans Prabayar		600

21 Maklumat berikut berkaitan dengan perniagaan Kedai Buku Yusof.

Membeli perabot RM2 500 secara kredit daripada Kedai Perabot Lim tetapi urusan niaga ini tidak dicatat dalam mana-mana buku.

Bagaimanakah kesilapan ini dibetulkan dalam Jurnal Am?

A

Jurnal Am

Butir	Debit RM	Kredit RM
Belian Modal	2 500	2 500

B

Jurnal Am

Butir	Debit RM	Kredit RM
Belian Kedai Perabot Lim	2 500	2 500

C

Jurnal Am

Butir	Debit RM	Kredit RM
Perabot Kedai Perabot Lim	2 500	2 500

D

Jurnal Am

Butir	Debit RM	Kredit RM
Perabot Modal	2 500	2 500

22 Maklumat berikut diambil daripada Perniagaan Zaleha dan Aisyah Trading.

	<u>Perniagaan Zaleha</u>	<u>Aisyah Trading</u>
Nisbah semasa	2.5 : 1	1.8 : 1
Pulangan atas modal	25%	37%
Kadar pusing ganti inventori	3 kali	5 kali

Berdasarkan analisis nisbah di atas, pilih pernyataan yang betul.

- A Perniagaan Zaleha lebih cekap menguruskan perniagaan berbanding Aisyah Trading.
- B Pelabur luar lebih berminat untuk melabur dalam Perniagaan Zaleha berbanding Aisyah Trading.
- C Aisyah Trading tidak mampu untuk membayar hutang jangka pendek berbanding Perniagaan Zaleha.
- D Keupayaan Perniagaan Zaleha membayar hutang jangka pendek adalah lebih tinggi berbanding Aisyah Trading.

23 Maklumat berikut diperolehi daripada beberapa perniagaan yang menghadapi kesukaran untuk mengira untung atau rugi bersih kerana kehilangan rekod perakaunan akibat banjir.

Pilih perniagaan yang mempunyai prestasi yang baik.

	Perniagaan	Modal Awal RM	Modal Akhir RM	Modal Tambahan RM
A	W	16 000	24 000	3 000
B	X	15 000	20 000	2 000
C	Y	12 000	10 000	2 500
D	Z	13 000	15 000	3 500

24 Maklumat berikut diperolehi daripada Perniagaan Shahbandar yang tidak menyimpan rekod perniagaan dengan lengkap.

	1 Januari 2018 RM	31 Disember 2018 RM
Lengkapan	10 000	12 000
Inventori	7 900	8 100
Bank	15 000	18 000
Akaun Belum Terima	3 200	5 700
Akaun Belum Bayar	4 800	6 100

Berapakah untung atau rugi perniagaan?

- A Untung RM4 000
- B Untung RM6 400
- C Rugi RM4 000
- D Rugi RM6 400

25 Maklumat berikut adalah baki yang diambil daripada buku perniagaan Wadah Hakiki Enterprise pada akhir suatu tempoh perakaunan.

Aset	RM50 000
Liabiliti	RM17 590

Berapakah modal awal perniagaan jika perniagaan mengalami kerugian sebanyak RM5 950?

- A RM23 540
- B RM26 460
- C RM32 410
- D RM38 360

26 Maklumat berikut ialah anggaran pembayaran Kedai Sinar.

Pada bulan September, Kedai Sinar membeli mesin bernilai RM20 000 dan membayar 40% pendahuluan. Separuh daripada pendahuluan dibayar menggunakan wang simpanannya. Baki 60% dibayar secara ansuran sebanyak lima kali bermula pada bulan berikutnya.

Catatan yang manakah yang betul?

		September RM	Oktober RM
A	Mesin	4 000	1 600
B	Mesin	4 000	3 200
C	Mesin	8 000	1 440
D	Mesin	8 000	2 400

27 Maklumat yang manakah tidak diperlukan dalam penyediaan Akaun Kawalan Belum Terima?

- A Hutang ragu
- B Hutang lapuk
- C Diskaun diberi
- D Pulangan masuk

28 Berikut adalah Penyata Penyesuaian Bank Kedai Zulaikha pada 31 Mac 2019.

<u>Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Mac 2019</u>	
	RM
X	(2 000)
+ Deposit belum dikreditkan:	
Sarah	3 000
	<u>1 000</u>
- Cek belum dikemukakan:	
Mira	800
Y	<u>200</u>

Apakah X dan Y

	X	Y
A	Baki kredit di Buku Tunai	Baki kredit di Penyata Bank
B	Baki debit di Buku Tunai	Baki kredit di Penyata Bank
C	Baki kredit di Penyata Bank	Baki debit di Buku Tunai
D	Baki Debit di Penyata Bank	Baki debit di Buku Tunai

29 Maklumat berikut diperolehi daripada Perkongsian Nanu dan Lia pada 31 Disember 2018.

	RM
Faedah atas modal Nanu	1 000
Faedah atas modal Lia	2 000
Untung bersih	8 000

Perjanjian perkongsian adalah seperti berikut:

- (i) Gaji pekongsi Lia RM1 000
- (ii) Kongsi untung atau rugi dibahagi sama rata


Berapakah untung yang diterima oleh pekongsi Lia?

- A RM4 000
- B RM3 500
- C RM2 500
- D RM2 000

30 Butir manakah akan direkodkan dalam Penyata Pengasingan Untung Rugi?

- A Gaji
- B Ambilan
- C Faedah atas ambilan
- D Faedah atas pinjaman

31 Rajah 1 menunjukkan hubungan antara butiran akaun dengan Penyata Kewangan Perkongsian.



Rajah 1

Apakah butiran bagi S dan T?

	S	T
A	Faedah atas modal	Gaji pekongsi
B	Faedah atas pinjaman pekongsi	Faedah atas modal
C	Gaji pekerja	Faedah atas pinjaman pekongsi
D	Gaji pekongsi	Gaji pekerja

32 Maklumat berikut berkaitan dengan langkah-langkah merekod pembubaran perkongsian dalam Jurnal Am.


- I Merekod pembayaran semua liabiliti perniagaan
- II Merekod pembayaran balik modal kepada pekongsi
- III Merekod penutupan semua akaun aset kecuali tunai dan bank
- IV Merekod penerimaan tunai daripada penjualan aset serta membayar belanja realisasi

Pilih susunan yang betul.

- A I,II,III,IV
- B II,III,IV,I
- C III,IV,I,II
- D IV,I,II,III

33 Maklumat berikut berkaitan dengan ciri Saham Keutamaan.

Manakah yang betul?



34 Catatan Jurnal Am yang manakah yang betul apabila syer sebuah syarikat berhad diterbitkan?

A Jurnal Am

Butir	Debit RM	Kredit RM
Permohonan Syer Modal Syer	X	X

B Jurnal Am

Butir	Debit RM	Kredit RM
Bank Modal Syer	X	X

C Jurnal Am

Butir	Debit RM	Kredit RM
Modal Syer Permohonan Syer	X	X

D Jurnal Am

Butir	Debit RM	Kredit RM
Modal Syer Bank	X	X

35 Syarikat Sihat Berhad, pembekal produk kesihatan telah menerbitkan 200 000 unit 9% syer keutamaan pada harga RM2.00 sesyer dan 1 000 000 unit syer biasa pada harga RM1.00 sesyer. Semua syer telah dilanggan dan dibayar penuh.

Berapakah modal diterbitkan dan berbayar penuh?

- A RM0.324 juta
- B RM1.00 juta
- C RM1.036 juta
- D RM1.40 juta

36 Apakah sumber pendapatan utama bagi kelab dan persatuan?

- A Yuran masuk
- B Yuran keahlian
- C Yuran pendaftaran
- D Yuran pertandingan

37 Pernyataan berikut adalah berkaitan dengan yuran kelab dan persatuan.

Yuran tahun perakaunan lepas dihapuskan dalam tahun perakaunan semasa.

Apakah komponen yuran tersebut?

- A Yuran lapuk
- B Yuran semasa
- C Yuran belum terima
- D Yuran belum terperoleh

38 Berikut adalah pernyataan tentang perbelanjaan hasil bagi sesebuah kelab dan persatuan.

Bayaran sugu hati yang dibayar kepada ahli jawatankuasa kelab dan persatuan atas sumbangan yang telah diberikan.

Apakah perbelanjaan tersebut?

- A Gaji
- B Derma
- C Honorarium
- D Upah pekerja restoran

39 Maklumat berikut diperoleh daripada Kilang Kasut Best.

	RM
Kerja dalam proses awal	19 500
Kos bahan langsung	183 625
Kos buruh langsung	65 000
Kos langsung	12 750
Kos overhead	38 900
Kerja dalam proses akhir	21 000

Berapakah kos pengeluaran?

- A RM298 775
- B RM300 275
- C RM301 775
- D RM340 775

40 Maklumat berikut diperoleh daripada Kilang Kek Kasturi yang membekalkan kek lapis di sekitar Lembah Klang.

	RM
Kos tetap	24 000
Kos berubah seunit	12
Harga jualan seunit	18

Berapakah bilangan kek yang perlu dikeluarkan oleh kilang tersebut jika sasaran untungnya ialah RM3 000?

- A 1 500 unit
- B 2 250 unit
- C 4 000 unit
- D 4 500 unit

KERTAS JAWAPAN OBJEKTIF

SPM

GUNAKAN PENSEL 2B ATAU BB SAHAJA.
TENTUKAN TIAP-TIAP TANDA ITU HITAM DAN MEMENUHI KESELURUHAN RUANG.
PADAMKAN HINGGA HABIS MANA-MANA TANDA YANG ANDA UBAH.

A MAKLUMAT CALON

NAMA CALON:

ANGKA GILIRAN									
A	A	0	0	0	A	0	0	0	
B	B	1	1	1	B	1	1	1	
C	C	2	2	2	C	2	2	2	
D	D	3	3	3	D	3	3	3	
E	E	4	4	4	E	4	4	4	
F	F	5	5	5	F	5	5	5	
G	G	6	6	6	G	6	6	6	
H	H	7	7	7	H	7	7	7	
I	I	8	8	8	I	8	8	8	
J	J	9	9	9	J	9	9	9	
K	K								
L	L								
M	M								
N	N								
O	O								
P	P								
Q	Q								
R	R								
S	S								
T	T								
U	U								
V	V								
W	W								
X	X								
Y	Y								
Z	Z								

NOMBOR KAD PENGENALAN									
A	0	0	0	0	0	0	0	0	0
H	1	1	1	1	1	1	1	1	1
I	2	2	2	2	2	2	2	2	2
K	3	3	3	3	3	3	3	3	3
L	4	4	4	4	4	4	4	4	4
P	5	5	5	5	5	5	5	5	5
T	6	6	6	6	6	6	6	6	6
W	7	7	7	7	7	7	7	7	7
S	8	8	8	8	8	8	8	8	8
B	9	9	9	9	9	9	9	9	9
7									
8									

KOD DAN NAMA MATA PELAJARAN

KOD	MATA PELAJARAN
<input type="radio"/> 1249	SEJARAH
<input type="radio"/> 1511	SAINS
<input type="radio"/> 2280	GEOGRAFI
<input type="radio"/> 2611	PENDIDIKAN SENI
<input type="radio"/> 3755	PERNIAGAAN
<input type="radio"/> 3756	PRINSIP PERAKAUNAN
<input type="radio"/> 3757	EKONOMI
<input type="radio"/> 4531	FIZIK
<input type="radio"/> 4541	KIMIA
<input type="radio"/> 4551	BIOLOGI
<input type="radio"/> 4561	SAINS TAMBAHAN
<input type="radio"/> 4571	SAINS SUKAN

UNTUK DIISI OLEH KETUA PENGAWAS

B BAGI CALON YANG TIDAK HADIR ISIKAN DAN HITAMKAN RUANG INI.

TIDAK HADIR

TANDATANGAN
KETUA PENGAWAS

NAMA

C KES KHAS – HITAMKAN JIKA BERKENAAN BAGI CALON YANG HADIR.

- RABUN CICIR
- PEKAK BANTAHAN
- HOSPITAL MENUMPANG

NO. PUSAT
MENUMPANG

--	--	--	--

- | | | |
|--|--|--|
| 1 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 31 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 61 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) |
| 2 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 32 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 62 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) |
| 3 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 33 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 63 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) |
| 4 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 34 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 64 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) |
| 5 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 35 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 65 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) |
| | | |
| 6 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 36 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 66 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) |
| 7 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 37 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 67 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) |
| 8 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 38 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 68 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) |
| 9 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 39 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 69 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) |
| 10 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 40 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 70 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) |
| | | |
| 11 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 41 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 71 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) |
| 12 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 42 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 72 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) |
| 13 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 43 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 73 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) |
| 14 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 44 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 74 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) |
| 15 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 45 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 75 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) |
| | | |
| 16 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 46 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 76 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) |
| 17 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 47 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 77 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) |
| 18 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 48 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 78 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) |
| 19 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 49 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 79 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) |
| 20 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 50 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 80 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) |
| | | |
| 21 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 51 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | |
| 22 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 52 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | |
| 23 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 53 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | |
| 24 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 54 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | |
| 25 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 55 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | |
| | | |
| 26 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 56 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | |
| 27 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 57 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | |
| 28 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 58 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | |
| 29 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 59 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | |
| 30 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | 60 <input type="radio"/> (A) <input type="radio"/> (B) <input type="radio"/> (C) <input type="radio"/> (D) | |

Kertas peperiksaan ini mengandungi dua bahagian: **Bahagian A dan Bahagian B**. Jawab semua soalan di **Bahagian A dan dua soalan daripada Bahagian B**.

Bahagian A

[60 markah]

Jawab semua soalan.

- 1 (a) Perabot Bakar Enterprise membeli sebuah kenderaan bernilai RM40 000 pada tahun 2014. Susut nilai kenderaan dikira pada kadar 20% setahun mengikut kaedah baki berkurangan. Dalam Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2018, kenderaan direkodkan pada harga asal walaupun nilainya telah berkurangan.

Nyatakan prinsip perakaunan yang telah diamalkan oleh Perabot Bakar Enterprise. [2 markah]

- (b) Tentukan sama ada catatan bergu untuk akaun berikut benar atau palsu.

(i) Debitkan akaun aset, apabila aset bertambah.

Benar / Palsu

(ii) Kreditkan akaun hasil, apabila hasil berkurang.

Benar / Palsu

[2 markah]

- (c) Berdasarkan maklumat berikut, hitung kos jualan bagi Amin Enterprise jika margin untung kasar adalah 20%.

	RM
Jualan	600 000
Inventori awal	30 000
Inventori akhir	35 000

[2 markah]

- (d) Penyata Bank pada 1 Mac 2019 bagi Perniagaan Shuet Yee menunjukkan baki debit bank RM300. Dividen pelaburan Perniagaan Shuet Yee RM500 telah dikreditkan ke akaun bank.

Kirakan baki penyata bank selepas urus niaga tersebut.

[2 markah]

- (e) Akaun Modal berikut disediakan semasa pembubaran sebuah perkongsian.

Akaun Modal

		Afiq	Eka		Afiq	Eka
Butir		RM	RM	Butir		RM
Baki	b/b	200	–	Baki	b/b	–
Realisasi		140	–	Akaun Belum Bayar		150
Bank		–	800	R		120
				S		70
		340	800			340
						800

(i) Apakah **R**?

(ii) Apakah urus niaga yang sesuai bagi **S**?

[2 markah]

2 Kelab Seni Kanvas menyediakan maklumat berikut bagi tahun berakhir 30 Jun 2019.

	<u>1 Julai 2018</u>	<u>30 Jun 2019</u>
	RM	RM
Tunai di bank	18 310	Perlu dikira
Lengkapan (kos)	22 000	27 650
Susut nilai terkumpulengkapan	9 250	Perlu dikira
Inventori alat-alat seni	3 900	4 200
Insurans prabayar	220	245
Yuran belum terperoleh	3 150	3 850
Yuran belum terima	1 575	1 050
Akaun belum bayar	2 874	2 363

Berikut merupakan senarai penerimaan dan pembayaran bagi tahun berakhir 30 Jun 2019. Semua urusan niaga dibuat melalui akaun bank kelab.

	RM
Penerimaan:	
Yuran masuk seminar	12 770
Derma untuk pembinaan Studio Seni	300 000
Jualan alat-alat seni	34 300
Yuran ahli	150 850
Pembayaran:	
Kontraktor pembinaan Studio Seni	350 000
Lengkapan	5 650
Belanja am	67 460
Penceramah jemputan	2 600
Insurans	2 900
Sewa	38 000
Akaun Belum Bayar	28 961

Maklumat Tambahan:

- (i) Pada 1 Januari 2019, seorang ahli telah menderma sebidang tanah yang bernilai RM75 000 untuk pembinaan Studio Seni yang baharu.
- (ii) Pada 30 Jun 2019, Studio Seni dinilai pada harga pasaran RM425 000.
- (iii) Lengkapan disusutnilaikan pada kadar 15% setahun menggunakan kaedah baki berkurangan. Susut nilai dikira berasaskan tahun perolehan dan tiada pengiraan susut nilai pada tahun pelupusan dibuat.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Akaun Penerimaan dan Pembayaran. [4 markah]
- (b) Akaun Yuran Ahli. [4 markah]
- (c) Akaun Perdagangan Kedai Alat-alat Seni bagi tahun berakhir 30 Jun 2019. [4 markah]
- (d) Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 30 Jun 2019. [6 markah]
- (e) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 Jun 2019. [7 markah]

- 3 Puan Zahara menjalankan perniagaan Zara Enterprise yang beroperasi di Kuala Lumpur. Yang berikut adalah Imbangan Duga perniagaannya pada 30 September 2019.

Zara Enterprise
Imbangan Duga pada 30 September 2019

	Debit RM	Kredit RM
Pinjaman bank 6% (matang 2019)		42 000
Peruntukan hutang ragu		504
Bank		9 910
Angkutan masuk	174	
Angkutan keluar	1 292	
Tunai	250	
Ambilan	17 150	
Modal 1 Oktober 2018		155 536
Belanja am	16 660	
Insurans	1 930	
Inventori barang niaga 1 Oktober 2018	14 300	
Faedah atas pinjaman	2 310	
Lain-lain Akaun Belum Bayar		1 200
Lain-lain Akaun Belum Terima	968	
Cetakan dan alat tulis	13 470	
Hartanah, loji dan mesin (dinilai pada 1 Oktober 2018)	238 650	
Belian	64 200	
Belanja membaiki	3 900	
Pulangan	466	1 290
Jualan		198 500
Gaji	28 300	
Akaun Belum Bayar		35 700
Akaun Belum Terima	34 200	
Pengangkutan	6 420	
	444 640	444 640

Maklumat tambahan yang belum diambil kira:

- (i) Inventori pada 30 September 2019
- | | |
|--------------|--------|
| | RM |
| Barang niaga | 18 150 |
| Alat tulis | 2 490 |
- (ii) Faedah atas pinjaman bank telah dibayar sehingga 31 Ogos 2019.
- (iii) Insuran yang dibayar adalah termasuk insurans atas bangunan untuk 12 bulan sehingga 31 Disember 2019 sebanyak RM660.
- (iv) Jualan termasuk RM3 480 diterima untuk kerja-kerja yang akan dilakukan pada bulan Oktober 2019.
- (v) Susut nilai dikenakan ke atas hartanah, loji dan mesin menggunakan kaedah penilaian semula. Pada 30 September 2019 hartanah, loji dan mesin dinilai pada RM230 300.
- (vi) Pada 1 Disember 2018 menerima tunai RM1 650 daripada seorang penghutang yang hutangnya telah menjadi lapuk pada 30 September 2018.

(vii) Peruntukan hutang ragu dikekalkan pada 2% atas Akaun Belum Terima.

Tarikh: 30 September 2019	
MEMO	
Kepada : Alia	
Daripada : Puan Zahara	
PERKARA	
Sepanjang tahun perakaunan, saya telah menggunakan wang peribadi saya untuk perkara berikut:	
	RM
Tambang teksi	2 890
Sewa	15 000
Perkara di atas masih belum direkodkan dalam mana-mana buku.	

(a) **Anda dikehendaki menyediakan:**

- (i) Akaun Perdagangan dan Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 September 2019. [12 markah]
- (ii) Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 September 2019. [12 markah]

Bahagian B

[40 markah]

Jawab mana-mana dua soalan daripada bahagian ini.

4 Maklumat berikut diambil daripada buku perakaunan Johan.

	RM
Baki pada 1 Jun 2019:	
Akaun Belum Terima	166 548
Akaun Belum Bayar	68 422
Belian kredit	36 214
Belian tunai	658
Jualan kredit	95 473
Jualan tunai	2 417
Pembayaran dengan cek kepada pembekal	34 195
Penerimaan cek daripada pelanggan	79 863
Diskaun diberi	894
Diskaun diterima	658
Pindahan daripada lejar jualan ke dalam lejar belian	951
Cek pelanggan tak laku (pelanggan ini telah menerima diskaun RM40)	960
Penerimaan tunai daripada pelanggan	375
Pulangan masuk	327
Pulangan keluar	188
Hutang lapuk	473
Faedah dikenakan ke atas baki akaun pelanggan yang tertunggak	72

(a) **Anda dikehendaki menyediakan:**

- (i) Akaun Kawalan Belum Terima
- (ii) Akaun Kawalan Belum Bayar

[11 markah]

[5 markah]

(b) Apakah kelebihan Akaun Kawalan?

[2 markah]

(c) Nyatakan dua sebab Johan memberi diskaun tunai kepada pelanggannya.

[2 markah]

- 5 Elly bercadang untuk menjalankan Kedai Dobi pada 1 Januari 2020 dengan modal permulaan RM32 480 yang terdiri daripada:

	RM
Tunai di bank	1 980
Tunai di tangan	500
Mesin dobi	30 000

Elly bercadang untuk memohon pinjaman sebanyak RM12 000 pada Februari 2020 berkadar faedah 8% setahun. Pinjaman akan dibayar balik secara bulanan selama 4 tahun, bermula bulan berikutnya.

Anggaran penerimaan dan pembayaran bagi perniagaannya adalah seperti yang berikut:

- (i) Hasil daripada perkhidmatan dobi bagi Januari ialah RM8 900. Hasil ini dijangka meningkat 10% setiap bulan daripada bulan sebelumnya.
- (ii) Jumlah belian bahan pencuci mengikut bulan adalah seperti berikut:

	RM
Januari	1 500
Februari	1 800
Mac	2 160

60% belian bahan pencuci akan dibayar secara tunai dan bakinya akan dijelaskan pada bulan berikutnya.

- (iii) Sewa bulanan ialah RM1 200.
- (iv) Anggaran belanja utiliti:

	RM
Januari	860
Februari	970
Mac	1 120

- (v) Perniagaan merancang untuk membeli lima unit alat pengering dan dua unit mesin dobi dengan kos keseluruhan berjumlah RM40 000 pada bulan Mac. Bayaran pendahuluan sebanyak 60% akan dibuat dan baki dijelaskan sepenuhnya pada bulan berikutnya.

- (a) **Anda dikehendaki menyediakan** bagi pihak Elly, belanjawan tunai bagi tiga bulan berakhir 31 Mac 2020 (Gunakan **Lampiran A** di muka surat 124). [18 markah]

- (b) Sekiranya penerimaan dan pembayaran sebenar bagi tempoh Januari hingga Mac 2020 adalah seperti berikut.

	RM
Hasil perkhidmatan dobi	27 860
Belian bahan pencuci	3 100

bandingkan dapatan di 5(a) dengan 5(b), berikan pendapat anda.

[2 markah]

- 6 (a) Maklumat berikut diperolehi daripada buku perniagaan Rancak Niaga bagi tahun berakhir 31 Mei 2019:

	RM
Jualan (termasuk jualan kredit RM200 000)	600 000
Inventori pada 1 April 2018	50 000
Inventori pada 31 Mei 2019	47 000
Belian	428 000
Jumlah hasil operasi	3 000
Jumlah belanja operasi	15 000
Bank	90 000
Akaun belum terima	62 000
Akaun belum bayar	48 000
Tunai	2 000
Pinjaman bank (matang pada 31 Mei 2020)	80 000
Modal pada 1 April 2018	480 000

Maklumat tambahan:

	31 Mei 2018
Peratus Untung Kasar atas Kos Jualan (Tokokan)	35.20%
Pulangan atas Modal	30.80%
Nisbah Semasa	2.7:1
Tempoh Kutipan Hutang	135 hari

- (i) **Anda dikehendaki menghitung** nisbah-nisbah berikut bagi tahun berakhir 31 Mei 2019 (jawapan dalam 2 tempat perpuluhan).

(1) Peratus Untung Kasar atas Kos Jualan (Tokokan)	[2 markah]
(2) Pulangan atas Modal	[2 markah]
(3) Nisbah Semasa	[2 markah]
(4) Tempoh Kutipan Hutang	[2 markah]

- (ii) Berdasarkan jawapan anda di 6(a)(i), tahun manakah yang menunjukkan pengurusan hutang Rancak Niaga yang lebih cekap?
Berikan alasan. [2 markah]

- (b) Sunny seorang peniaga dalam sebuah perniagaan milikan tunggal. Untung bersih perniagaan bagi tahun berakhir 30 Jun 2019 ialah RM30 000.

Selepas penyediaan Imbangan Duga dan Akaun penamat, beberapa kesilapan telah dikesan seperti berikut:

- (1) Invois yang dikeluarkan kepada Saliza terkurang catat RM500.
- (2) Bil elektrik bagi bulan Jun RM750 belum dibayar.
- (3) Belanja membaiki komputer RM150 telah direkod dalam Akaun Komputer.

Anda dikehendaki:

- (i) Menyediakan catatan jurnal untuk merekod kesilapan berkenaan (keterangan tidak diperlukan). [6 markah]
- (ii) Hitung untung bersih selepas pelarasan (tunjukkan jalan kerja). [4 markah]

